

Pasukan wanita UMT mahu tunjuk belang

N <

Oleh NURUL AMALINA RAMLEE
sukan@kosmo.com.my

SIAPA kata wanita bertudung tidak boleh main futsal.

Itulah yang mahu dibuktikan pasukan wanita Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang tampil dengan konsep pakaian menutup aurat ketika bermain futsal.

Selain tudung, baju T lengan panjang serta seluar sukan panjang, merupakan pakaian rasmi pasukan berkenaan setiap kali bertarung di gelanggang.

Aksi pasukan ini bakal mewarnai Kejohanan KOSMO! Varsity Futsal 2007 Zon Timur yang akan diadakan di UMT, Kuala Terengganu pada 10 dan 11 Ogos ini.

“Mungkin bagi sesetengah pihak rimas pakai tudung semasa bermain futsal tetapi tidak pada kami.

“Malah kami begitu selesa berpakaian seperti ini,” ujar ketua pasukan wanita UMT, Norhafifi Mohd. Razali kepada KOSMO! semalam.

Baginya, kejayaan bukan datang daripada pakaian sebaliknya keinginan serta semangat juang tinggi yang dapat membantu mereka untuk berjaya pada kejohanan itu nanti.

Norhafifi turut berterima kasih kepada pihak penganjur yang tidak meletakkan syarat tertentu



BARISAN pemain UMT akan membawa cabaran bagi kategori wanita pada Kejohanan KOSMO! Varsity Futsal Zon Timur di UMT, Kuala Terengganu minggu depan.

tu dalam etika pemakaian.

Menyentuh penyertaan pada kejohanan ini, Norhafifi berkata, pasukannya hanya ditubuhkan awal tahun ini.

“Kami baru saja serius dalam sukan ini dan masih banyak ke-

kurangan, jadi kami terpaksa meminta tunjuk ajar dari orang yang berpengalaman.

“Pemain sangat berdedikasi, mereka pasti akan turun padang setiap kali diminta menjalani latihan biarpun mendapat arahan

pada waktu yang lewat,” katanya.

Tambahnya, walaupun menjangkakan cabaran sengit daripada pasukan lain, mereka meletak sasaran untuk mara ke peringkat separuh akhir.